

# Lebih 50 pensyarah UMSKAL hadiri CEO Talk

UB 23.9.2018 B6

LABUAN: Lebih 50 pensyarah dan kakitangan UMSKampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menghadiri Program CEO Talk Series bersama Ketua Pegawai Eksekutif Razak School of Government, Azman Hisham Che Doi, baru-baru ini.

Program anjuran Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) itu diadakan dari pukul 2.30 hingga 4.30 petang di Podium C, Bangunan Menara, UMS Labuan.

Turut menghayati perkongsian ilmu itu ialah Dekan FKAL, Prof Madya Dr Zaiton Osman dan Timbalan Pengarah

UMSKAL, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal yang mewakili Pengarah, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik.

Hadir sama Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), FKAL, Dr Sharinah Puasa.

Azman berkata kalau mahu melakukan perubahan, ianya mesti bermula dari diri sendiri sebelum melebarkannya kepada organisasi.

Katanya, seseorang itu perlu bersikap positif dan membuang jauh-jauh sikap negatif kalau mahu mencapai kejayaan dalam apa juga kerjaya atau bidang

yang diceburi mahupun tugas yang diamanahkan.

Beliau juga menasihatkan warga pensyarah dan kakitangan supaya mengadakan perbincangan sekiranya terdapat masalah.

“Kalau ada masalah, bawalah berbincang dan selesaikan masalah tersebut serta maju ke hadapan,” katanya.

Azman menegaskan kejayaan seseorang dan organisasi itu berlandaskan sikap yang ikhlas ketika menjalankan tugas selain mempunyai sikap integriti yang tinggi dan moral yang baik.



**ZAITON (tiga kiri)** menyampaikan cenderamata kepada Azman sambil diperhatikan pensyarah yang hadir CEO Talk Series di UMS Labuan.